

18/11/2003

'Pemimpin India perlu elakkan pergaduhan'

PETALING JAYA: Dewan Perniagaan dan Perindustrian India Selangor (ICCIS) mahu pemimpin parti politik berketurunan India agar tidak berselisih faham sesama sendiri, sebaliknya menumpukan perhatian menyelesaikan pelbagai isu membabitkan masyarakat itu.

Setiausaha Agung ICCIS, Gunaraj George, berkata pemimpin sepatutnya menjadi contoh kepada generasi pelapis yang bakal menggantikan pemimpin sedia ada pada masa depan.

Beliau berkata, menjadi tanggungjawab pemimpin mencari jalan untuk meningkatkan status masyarakat India agar setanding dengan kaum lain.

"Pergaduhan atau perselisihan faham di khalayak umum akan hanya mewujudkan pandangan negatif di kalangan masyarakat India khususnya golongan yang terbabit dalam sektor perniagaan.

"Perselisihan faham ini seharusnya diselesaikan di meja rundingan dengan mengutamakan nasib serta kepentingan komuniti ini," katanya pada sidang akhbar di sini, semalam.

Gunaraj berkata, isu peletakan jawatan Presiden MIC, Datuk Seri S Samy Vellu juga tidak sepatutnya timbul kerana beliau sudah menunaikan janjinya untuk meningkatkan kedudukan dan kebajikan masyarakat India di negara ini.

Beliau yang mewakili kira-kira 1,600 ahli ICCIS berkata, Samy Vellu yang juga Menteri Kerjaraya masih mempunyai tanggungjawab yang belum selesai dilaksanakan dan akan melantik penggantinya apabila tiba masa yang sesuai.

Katanya, isu itu timbul apabila bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad menasihatkan ahli politik veteran dalam Barisan Nasional (BN) berundur dan memberi laluan kepada muka baru.

Dr Mahathir berkata, mereka perlu memberi peluang kepada muka baru dan membantu kempen bagi menjamin kemenangan calon baru itu pada pilihan raya umum akan datang.

Gunaraj berkata, pemimpin masyarakat India seharusnya menyahut seruan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang jelas mahukan semua pihak bekerja bersama-sama membangunkan negara dan bangsa serta bukannya bekerja untuk beliau.

Ditanya mengenai tindakan pemegang saham Maika Holdings Bhd membuat laporan polis serentak di seluruh negara kelmarin berhubung dakwaan penyelewengan, beliau berkata perkara itu sepatutnya diselesaikan pada mesyuarat agung Maika.

Beliau berkata, mesyuarat agung adalah landasan terbaik bagi menyuarakan rasa tidak puas hati mengenai prestasi sesebuah syarikat.